

Polis tahan guru ilmu kebal

PENCAR SILAM 11 AUG 1985

KOTA TINGGI, Sabtu — Seorang lelaki yang dipercayai mengajar ilmu kebatinan, yang dikatakan boleh membuat seseorang itu kebal, ditahan Khamis lalu untuk siasatan lanjut mengenai kematian seorang pemuda yang dipercayai anak muridnya.

Lekaki berumur 30 tahun dan berasal dari Masai itu dikatakan mengajar ilmu berkenaan di Felda Air Tawar Satu dekat sini. Beliau bekerja sebagai buruh di sebuah kilang membuat pensil di Johor Bahru.

Menurut Ketua Polis Daerah, Penolong Penguasa Hashim Mohamad, lelaki itu datang sendiri ke balai polis setelah mendengar salah seorang muridnya meninggal

Oleh MOHD ZAIN ARIFF

dunia setelah minum racun rumput untuk membuktikan kekebalannya. *RACUN*

Sementara itu, di hospital daerah di sini, seorang lagi ahli kumpulan itu, Zainal Abidin Mohd Said, 20, dimasukkan ke wad semalam untuk rawatan.

B. Minggu (M)
Dirawat

Ini menjadikan dua ahli kumpulan itu dirawat di hospital itu. Sebelum ini seorang daripada ahli kumpulan itu, Ebir Ahmad, 22, dirawat di situ.

Zainal Abidin berkata, beliau sukar bernafas selepas hari kedua kejadian itu. Ketika itu dia sedang bermain dalam pertandingan bolasepak di tempatnya.

Dua lagi anggota kumpulan itu, Abdul Wahab Abdul Aziz, 18, dan Johar Atan, 20, masih dirawat di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru.

Pemuda-pemuda itu minum racun rumput setelah tamat berguru atas kepercayaan bahawa mereka telah menguasai ilmu kebal yang dijanjikan itu.

Lelaki yg dipercayai guru ilmu batin ditahan

12 AUG 1985

KOTA TINGGI, Anad — Seorang lelaki yang dipercayai mengajar ilmu kebatinan, yang dikatakan boleh membuat seseorang itu kebal, ditahan pada Khamis lalu untuk siasatan lanjut, ekoran dari kematian seorang pemuda yang dipercayai anak muridnya. *RACUN*

Lelaki yang berumur 30 tahun dan berasal dari Masai itu dikatakan mengajar ilmu tersebut di Felda Air Tawar, kat sini.

Dia bekerja sebagai buruh di sebuah kilang membuat pensil di Johor Bahru.

Menurut Ketua Polis Daerah, Penolong Penguasa Hashim Mohamad, lelaki

itu datang sendiri ke balai polis setelah mendengar salah seorang anak muridnya meninggal dunia setelah minum racun rumput untuk membuktikan kekebalannya.

Sementara itu, seorang lagi ahli kumpulan itu, Encik Zainal Abidin Mohd Said, 20 tahun, dimasukkan ke wad semalam untuk rawatan.

Ini menjadikan dua ahli kumpulan itu dirawat di hospital itu. Sebelum ini seorang ahli kumpulan tersebut, Encik Ebir Ahmad, 22 tahun, dirawat di sana.

Pemuda-pemuda itu minum racun rumput setelah tamat berguru atas kepercayaan bahawa mereka telah menguasai ilmu kebal yang dijanjikan itu. — BHM.